

Headline **Akhirnya puasa selepas 21 tahun**  
Date **14 Sep 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **Aniza Zainudin**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **18**  
Article Size **264 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,591**  
PRValue **22,774**



# Akhirnya puasa selepas 21 tahun

Penghidap HIV anggap Aidilfitri kali ini paling bermakna dalam hidup


>>Oleh **Aniza Zainudin**  
anizazainudin@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Raya tahun ini adalah paling bermakna dalam hidup saya kerana berjaya berpuasa selepas 21 tahun tidak menunaikannya," kata seorang penghidap HIV positif yang hanya ingin dikenali sebagai Kamal, 36.

Lelaki yang berasal dari Kelantan itu mengakui gembira kerana masih diberi peluang menunaikan tanggungjawab berkenaan sedangkan sebelum ini dia jarang mematuhi sebarang tuntutan agama.

"Selepas begitu lama tidak berpuasa, saya rasa rindu dan syukur dapat melakukannya dengan kebenaran doktor yang sebelum ini bimbang dengan kesihatan saya.

"Biarpun keluarga mengetahui status saya, mereka tidak pernah meminggirkan saya. Saya memahami kebingungan orang lain mengenai virus ini. Oleh itu, saya tidak akan menghulurkan tangan untuk bersalam



REDA...Kamal penghidap HIV menceritakan kisahnya kepada wartawan.

kecuali atas kerelaan individu itu sendiri bersalaman dengan saya.

"Pengetahuan saya mengenai agama sememangnya teruk, malah kegilaan terhadap dadah turut menjadikan saya semakin hanyut dengan dunia sendiri.

"Apabila disahkan meng-

hidap HIV pada 2001, saya hanya terfikir mengenai mati dan nekad untuk berubah.

"Saat itu, penyesalan mula terasa kerana sebelum ini saya hanya tahu berseronok dengan melepaskan gian, malah tidak terfikir akan dijangkiti HIV akibat per-

kongsian jarum suntikan," katanya yang akan berkumpul bersama keluarganya bagi menyambut raya.

Menurutnya, wujudnya hikmah di sebalik penyakit berkenaan iaitu menjadikannya lebih menghargai kehidupan dan keluarga yang sering menyokongnya.

Katanya, pada mulanya keluarga tidak dapat menerima hakikat berkenaan malah dia pernah dipinggirkan dengan cara barangan digunakannya seperti pinggan dan pakaian ditinggalkan daripada adik-beradik lain.

Kejadian itu berakhir selepas dua minggu apabila kakak sulungnya mencari maklumat serta merujuk agensi tertentu mengenai HIV sebelum diterangkan kepada ahli keluarga lain.

Katanya, dia terpaksa melalui beberapa proses untuk meningkatkan keyakinan diri dan menerima hakikat sebenar menerusi pusat pemulihan serta kaunseling sebelum aktif membantu golongan sama.